

## PENGGUNAAN NOMBOR BIL SEBAGAI RUJUKAN MANDATORI PEMBAYARAN CUKAI

1. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan bahawa, bermula pada 01 Januari 2023 **NOMBOR BIL** akan digunakan sebagai rujukan mandatori bagi urusan pembayaran semua jenis cukai langsung kecuali bayaran Potongan Cukai Bulanan (PCB) dan Duti Setem.
2. Maklumat berkenaan **NOMBOR BIL** boleh diperolehi mulai 01 Januari 2023 melalui kaedah seperti yang berikut:
  - i. Layari Portal MyTax di <https://mytax.hasil.gov.my/> > klik Perkhidmatan ezHasil > klik e-Billing.
  - ii. Dinyatakan dalam notis taksiran / anggaran dan surat-surat tuntutan bayaran yang dihantar oleh HASiL kepada pembayar cukai.
3. Bayaran boleh dibuat secara dalam talian (*online*) atau melalui kaunter Pusat Bayaran HASiL dan bank-bank ejen. Bagi tujuan bayaran di kaunter dan bank-bank ejen, pembayar cukai perlu mencetak slip bayaran atau muat turun **NOMBOR BIL**

yang diperlukan dengan mengimbas Kod QR yang dipaparkan pada slip bayaran berkenaan.

4. Namun demikian, dalam tempoh peralihan kepada penggunaan **NOMBOR BIL** ini, Nombor Pengenalan Cukai (TIN) atau Nombor Rujukan Cukai masih boleh digunakan dalam urusan pembayaran cukai langsung yang berkaitan sehingga 30 Jun 2023.
5. Sila layari portal rasmi HASiL di <https://www.hasil.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Sebarang pertanyaan serta maklum balas berkaitan boleh dimajukan kepada kami melalui:
  - a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
  - b) HASiL Live Chat; dan
  - c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>.

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**



---

**Dikeluarkan Oleh:**  
**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif**  
**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**  
Customer Care Officer: 019-651 1100  
Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)  
Hasil Recovery Call Centre: 03-8751 1000  
Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 31 Disember 2022**

